



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KESAN MEDIATOR MOTIVASI KERJA AHLI LEMBAGA KOPERASI DENGAN FAKTOR- FAKTOR KEJAYAAN TERHADAP PRESTASI PERNIAGAAN KOPERASI SEKOLAH, DI SABAH.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SAMSU BIN HAJI EWANG

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KESAN MEDIATOR MOTIVASI KERJA AHLI LEMBAGA KOPERASI
DENGAN FAKTOR-FAKTOR KEJAYAAN TERHADAP PRESTASI
PERNIAGAAN KOPERASI SEKOLAH, DI SABAH.**

SAMSU BIN HAJI EWANG



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2020



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**Sila tanda (\)**

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 16 DISEMBER 2020

i. Perakuan pelajar :

Saya, SAMSU BIN HAJI EWANG, P20171000982 FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI dengan ini mengaku bahawa tesis yang bertajuk:

KESAN MEDIATOR MOTIVASI KERJA AHLI LEMBAGA KOPERASI DENGAN FAKTOR-FAKTOR KEJAYAAN TERHADAP PRESTASI PERNIAGAAN KOPERASI SEKOLAH, DI SABAH.

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mananya hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR. JULIANA BINTI OSMAN dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk:

KESAN MEDIATOR MOTIVASI KERJA AHLI LEMBAGA KOPERASI DENGAN FAKTOR-FAKTOR KEJAYAAN TERHADAP PRESTASI PERNIAGAAN KOPERASI SEKOLAH, DI SABAH.

dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah DOKTOR FALSAFAH.

Tarikh

Tandatangan Penyelia





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: Kesan Mediator Motivasi Kerja Ahli Lembaga Koperasi Dengan Faktor-Faktor Kejayaan Terhadap Prestasi Perniagaan Koperasi Sekolah, Di Sabah.

No. Matrik / Matric's No.: P20171000982

Saya / I : SAMSU BIN HAJI EWANG

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan salinan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
The Library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissertation.
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. /
Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. /
Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

/ TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: _____

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmii / Name & Official Stamp)

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Terlebih dahulu saya panjatkan kesyukuran dan pujian kepada Allah S.W.T atas limpah kudrat dan kurnia Nya, tesis ini dapat diselesaikan dengan jayanya.

Pada kesempatan ini saya ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia utama saya yang telah banyak membantu dan membimbing bagi menyiapkan kajian ini Dr. Juliana Binti Osman, demikian juga kepada Prof. Madya Dr. Hji. Nek Kamal Bin Yeop Yunus dan Dr. Mahaliza Binti Mansor sebagai pembaca dalaman serta para pensyarah UPSI yang telah memberikan tunjuk ajar sepanjang perkuliahan.

Sekalung penghargaan saya tujuarkan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia khususnya Bahagian Tajaan dan Biasiswa selaku penaja utama, Bahagian Perancangan dan Dasar Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri Sabah, yang telah memberi kebenaran kepada saya untuk menjalankan penyelidikan ini. Tidak lupa juga kepada semua ALK guru sekolah yang terlibat dalam kajian ini.

Seterusnya panel pakar dari Institut Koperasi Malaysia, Angkasa dan SKM yang terlibat dalam penyelidikan ini kerana kesudian mereka berkongsi ilmu dan pengalaman dalam membina instrumen kajian serta memberi banyak maklumat berkaitan pergerakan koperasi di Malaysia.

Akhirnya yang teristimewa kepada semua keluarga yang tercinta yang tidak pernah jemu mendoakan kejayaan ini. Buat ayahanda Hji. Ewang bin Teka, ibunda Hjh. Siang Binti Nurdin, isteri tersayang Maslina Binti Talla, anak-anak tercinta Mohd Aqil Rustam, Ainur Aqilah, Asyura Zawani, Aliyah Afiqah dan Aqifah ARIQAH kalian sumber kekuatan dan motivasi menghadapi dugaan dan rintangan sepanjang menyiapkan tesis ini.

Kepada semua sahabat handai dan rakan taulan seperkuliahannya Cikgu Nasarudin, Cikgu Ramlie, Cikgu Richard, Cikgu Samri, Cikgu Syukri, En Romy, En Salman, En. Syahir dan Dr Jupri terima kasih kerana menjadi teman sepanjang perjalanan penyelidikan ini.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti pengaruh faktor-faktor kejayaan perniagaan (produk, promosi, pendidikan dan latihan, pengurusan, modal dan motivasi kerja) terhadap kejayaan perniagaan koperasi sekolah. Kajian ini juga dijalankan untuk mengenal pasti kesan faktor-faktor kejayaan perniagaan melalui mediator motivasi kerja Ahli Lembaga Koperasi (ALK) terhadap prestasi perniagaan koperasi sekolah. Pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk bukan eksperimen telah digunakan dalam kajian ini. Kaedah pengumpulan data menggunakan borang soal selidik terhadap 211 orang ALK di kalangan guru sekolah menengah di negeri Sabah yang dipilih secara rawak berstrata. Analisis dengan menggunakan Model Persamaan Struktur (SEM) menunjukkan bahawa 54 peratus ($R^2 = 0.54$) daripada variasi yang wujud dalam prestasi perniagaan koperasi boleh diterangkan oleh faktor-faktor kejayaan yang telah disenaraikan. Faktor pendidikan dan latihan ($\beta = 0.255$, $p < 0.05$), pengurusan ($\beta = 0.306$, $p < 0.05$) dan motivasi kerja ($\beta = 0.438$, $p < 0.001$) mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap kejayaan perniagaan koperasi sekolah. Manakala faktor produk ($\beta = -0.082$, $p > 0.001$), promosi ($\beta = -0.003$, $p > 0.001$) dan modal ($\beta = -1.09$, $p > 0.001$) tidak mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap prestasi perniagaan koperasi. Analisis mediator menunjukkan hanya dua faktor kejayaan iaitu pendidikan dan latihan ($\beta_{\text{pendidikan latihan} \rightarrow \text{kejayaan}} = 0.151$, $p < 0.05$) serta modal ($\beta_{\text{modal} \rightarrow \text{kejayaan}} = 0.151$, $p < 0.05$) yang mempunyai kesan mediator terhadap prestasi koperasi sekolah. Kesimpulannya, faktor-faktor kejayaan yang signifikan dapat meningkatkan motivasi kerja ALK koperasi dan seterusnya meningkatkan prestasi perniagaan koperasi. Implikasinya, dapatan kajian ini dapat digunakan oleh ALK koperasi sebagai rujukan bagi mengurus koperasi dan sebagai garis panduan kepada pihak yang berkepentingan seperti SKM, IKM, Angkasa dan KPM.





THE EFFECTS OF WORK MOTIVATION MEDIATOR OF COOPERATIVE BOARD MEMBERS WITH SUCCESS FACTORS ON SCHOOL COOPERATIVE BUSINESS PERFORMANCE IN SABAH

ABSTRACT

This study was aimed at identifying the influence of business success factors (products, promotion, education and training, management, capital and work motivation) on the success of school cooperative business. In addition, this study was conducted to identify the impact of business success factors through the work motivation mediator of Cooperative Board Members (CBM) on the business performance of school cooperatives. A quantitative approach with non-experimental design was used in this study. A questionnaire was administered to collect data from 211 CBM among secondary school teachers in Sabah who were selected using stratified random sampling. The Structure Equation Model (SEM) showed that 54 percent ($R^2 = 0.54$) of the variation that exists in the business performance of cooperatives can be explained by the success factors that have been listed. Educational and training factors ($\beta = 0.255$, $p < 0.05$), management ($\beta = 0.306$, $p < 0.05$) and work motivation ($\beta = 0.438$, $p < 0.001$) had a significant influence on the success of the school cooperative business. Meanwhile product ($\beta = -0.082$, $p > 0.001$), promotion ($\beta = -0.003$, $p > 0.001$) and capital ($\beta = -1.09$, $p > 0.001$) did not have a significant influence on the success of school cooperative business. Mediator analysis showed only two factors of success, namely education and training ($\beta_{\text{training education} \rightarrow \text{success}} = 0.151$, $p < 0.05$) and capital ($\beta_{\text{capital} \rightarrow \text{success}} = 0.151$, $p < 0.05$) which had a mediator effect on the performance of school cooperatives. In conclusion, the significant success factors can enhance the work motivation of cooperative CBM and ultimately improve the cooperative business performance. As implications, the findings of this study can be used by the cooperative CBM as a reference in managing the cooperative and as a guideline to stakeholders such as SKM, IKM, Angkasa and KPM





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI SINGKATAN	xvii



BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	9
1.4 Tujuan Kajian	16
1.5 Objektif Kajian	16
1.6 Persoalan Kajian	17
1.7 Hipotesis Kajian	18
1.8 Kerangka Konseptual Kajian	20
1.9 Kepentingan Kajian	23
1.10 Batasan Kajian	25





1.11	Definisi Operational	27
1.12	Pengorganisasian Kajian	29
1.13	Rumusan	30

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	31
2.2	Definisi Koperasi	32
2.3	Sejarah Penubuhan dan Perkembangan Koperasi di Malaysia	34
2.4	Sejarah Gerakan Koperasi Sekolah Di Malaysia	37
2.5	Koperasi Sekolah Sebagai Koperasi Pendidikan	39
2.6	Gerakan Koperasi Sekolah Dekad Ini	41
2.7	Aktiviti Sosial Koperasi Sekolah	43
2.8	Aktiviti Ekonomi Koperasi Sekolah	45
2.9	Statistik Pertumbuhan Koperasi Di Malaysia	47
2.10	Dasar Koperasi Negara	48
2.11	Blue Print Sektor Peruncitan Dan Pemborongan Koperasi 2016 - 2020	53
2.12	Tadbir Urus Koperasi Sekolah	55
2.13	Campuran Pemasaran	58
2.14	Teori Motivasi Kerja	62
2.15	Kriteria Penilaian 100 koperasi terbaik Malaysia 2017	68
2.16	Kejayaan Koperasi	73
2.16.1	Produk dan Kejayaan Koperasi	86
2.16.2	Promosi dan Kejayaan Koperasi	95
2.16.3	Aktiviti Pendidikan dan Latihan Dan Kejayaan Koperasi	103





2.16.4 Pengurusan dan Kejayaan Koperasi	110
2.16.5 Modal dan Kejayaan Koperasi	129
2.16.6 Motivasi Kerja Pengurus (ALK) Sebagai Mediator (perantara) Kejayaan Koperasi	135
2.17 Rumusan	142
BAB 3 METODOLOGI	
3.1 Pengenalan	144
3.2 Reka Bentuk Kajian	145
3.2.1 Strategi Penyelidikan	147
3.2.2 Unit Analisis	149
3.3 Populasi dan Pensampelan	150
3.3.1 Populasi Koperasi Sekolah	153
3.3.2 Populasi Ahli Lembaga Koperasi Sekolah	155
3.3.3 Pensampelan	155
3.4 Instrumen Kajian	158
3.4.1 Sumber Item Soal Selidik	159
3.4.2 Soal Selidik	162
3.4.3 Kajian Rintis dengan Pakar	169
3.4.4 Pengubahsuaian Soal selidik	170
3.4.5 Skala Pengukuran	172
3.5 Kajian Rintis	173
3.5.1 Kajian Rintis dengan Responden	173
3.5.2 Analisis Penerokaan Faktor (EFA)	174
3.5.3 Analisis Kebolehpercayaan	187
3.5.4 Maklumat Deskriptif Alat Kajian	191





3.6	Prosedur Pengumpulan Data	192
3.7	Kaedah Analisis Data	194
3.7.1	Penilaian Kesepadan Model	196
3.7.2	Screening Data (Tapisan Data)	197
3.7.3	Ujian Normaliti	197
3.7.4	Ujian Outliers	198
3.7.5	Ujian Lineariti	198
3.7.6	Ujian Muticollineariti	199
3.7.7	Homoscedastisiti	199
3.7.8	Ringkasan Analisis Data	200
3.8	Rumusan	201

BAB 4 DAPATAN KAJIAN



4.2	Profil	203
4.2.1	Profil Responden	203
4.2.2	Profil Koperasi	204
4.3	Analisis Peringkat Awal	207
4.3.1	Rawatan data hilang	207
4.3.2	Penetapan Andaian SEM	208
4.4	Analisis Diskriptif	210
4.5	Pengesahan Model Pengukuran	211
4.5.1	Penilaian Model Fit	211
4.5.2	Penilaian Kebolehpercayaan dan Kesahan	215
4.6	Pengujian Hipotesis	219
4.6.1	Analisis Kesan Langsung	219





4.6.2	Analisis Kesan Mediator (Perantara)	222
4.6.3	Ujian Penentuan Jenis Mediator	224
4.6.4	Ujian Pengesahan Model Cadangan Kajian	225
4.6.5	Ringkasan Ujian Hipotesis	226
4.7	Rumusan	229

BAB 5 PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	231
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	232
5.2.1	Apakah kesan pengaruh faktor produk terhadap prestasi perniagaan koperasi sekolah?	232
5.2.2	Apakah kesan pengaruh faktor promosi terhadap prestasi perniagaan koperasi sekolah?	238
5.2.3	Apakah kesan pengaruh faktor pendidikan dan latihan terhadap prestasi perniagaan koperasi sekolah?	243
5.2.4	Apakah kesan pengaruh faktor pengurusan terhadap prestasi perniagaan koperasi sekolah?	250
5.2.5	Apakah kesan pengaruh faktor modal terhadap prestasi perniagaan koperasi sekolah?	263
5.2.6	Apakah kesan pengaruh motivasi kerja terhadap prestasi perniagaan koperasi sekolah?	269
5.2.7	Adakah motivasi kerja pengurus (ALK) koperasi berperanan sebagai mediator (perantara) dengan faktor-faktor kejayaan (H7 – H11) terhadap prestasi perniagaan koperasi sekolah?	276
5.2.8	Adakah model cadangan bagi hubungan faktor-faktor kejayaan dan motivasi pengurus koperasi sekolah yang dapat meningkatkan prestasi perniagaan koperasi sekolah di Sabah sah?	289
5.3	Kesimpulan Dapatan Kajian	290
5.3.1	Analisis Kesan Langsung	290
5.3.2	Analisis Kesan Mediator	291





5.3.3	Analisis Dapatan tambahan	292
5.4	Implikasi Kajian	293
5.4.1	Implikasi Teori	293
5.4.2	Implikasi Amalan	295
5.4.3	Implikasi Metodologi	300
5.5	Batasan dan Kajian Lanjutan	301
5.6	Rumusan	302
RUJUKAN		307
LAMPIRAN		





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
1.1 Statistik Koperasi Sekolah Di Malaysia	6
1.2 Statistik Perbandingan Koperasi Dewasa Dan Koperasi Sekolah	7
2.1 Sejarah Gerakan Koperasi Sekolah Di Malaysia	37
2.2 Pertumbuhan Koperasi Di Malaysia	47
2.3 Perkembangan Teori Campuran Pemasaran	59
2.4 Evolusi Pengurusan Pemasaran	61
2.5 Teori Dua Faktor Herzberg	66
2.6 Wajaran Mengikut Jenis Nisbah Kewangan	70
2.7 Kriteria Dalam Penilaian FBK	71
2.8 Wajaran Markah Bagi Penentuan Kedudukan	72
2.9 Perbandingan Dengan Unsur Kejayaan Mckinsey Dengan Kejayaan	76
3.1 Populasi Dan Saiz Sampel Kajian (Koperasi Yang Berpendapatan Seratus	154
3.2 Sumber Dan Konstruk Bagi Setiap Item Soalan	159
3.3 Konstruk Produk	164
3.4 Konstruk Promosi	165
3.5 Konstruk Pendidikan Dan Latihan	166
3.6 Konstruk Pengurusan	167
3.7 Konstruk Modal	168





3.8	Konstruk Motivasi Pengurus Tetap	168
3.9	Konstruk Ukuran Kejayaan Koperasi Sekolah	169
3.10	Bilangan Konstruk Mengikut Item	170
3.11	Pengubahsuaian soal selidik berdasarkan pakar	171
3.12	Struktur Faktor dan Pemuatan Faktor Produk dan Nilai Keseragaman	179
3.13	Struktur Faktor dan Pemuatan Faktor Promosi dan Nilai Keseragaman	180
3.14	Struktur Faktor dan Pemuatan Faktor Pendidikan dan Latihan dan Nilai Keseragaman	181
3.15	Struktur Faktor dan Pemuatan Faktor Pengurusan dan Nilai Keseragaman	182
3.16	Struktur Faktor dan Pemuatan Faktor Pengurusan dan Nilai Keseragaman	183
3.17	Struktur Faktor dan Pemuatan Faktor Motivasi Pengurus Tetap dan Nilai Keseragaman	184
3.18	Struktur Faktor dan Pemuatan Faktor Kejayaan dan Nilai Keseragaman	185
3.19	Ringkasan Analisis Efa	186
3.20	Ringkasan Analisis Kebolehpercayaan	188
3.21	Ringkasan Item-Item Akhir	189
3.22	Ringkasan Analisis Data	200
4.1	Profil Responden	204
4.2	Profil Koperasi	206
4.3	Analisis Multivariate Outliers	209
4.4	Faktor muatan dan korelasi antara konstruk	210
4.5	Tahap Persetujuan Responden Terhadap Konstruk Faktor-faktor Kejayaan	211
4.6	Standardized Regression Weight	213





4.7	Penialaian bagi Pengukuran Model	218
4.8	Rumusan Pengujian Hipotesis Kesan Langsung	221
4.9	Rumusan Pengujian Hipotesis Kesan Mediator	224
4.10	Rumusan Ujian Hipotesis berkaitan Jenis Mediator	225
4.11	Keputusan Ujian Hipotesis	228





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konseptual Kajian	22
2.1 Skop Tadbir Urus Koperasi Sekolah	57
2.2 Prinsip Koperasi	79
2.3 Sumber Dana Koperasi Tahun 2016	129
2.4 Tujuan motivasi	137
2.5 Kerangka Teori Kajian dan Kerangka Konseptual Kajian	142
3.1 Reka Bentuk Kajian	146
3.2 Perbezaan Antara : Populasi, Populasi Sasaran Atau Bingkai Pensampelan, Dan Sampel	152
3.3 Prosedur Kajian	193
4.1 Rawatan Kehilangan Data	208
4.2 Pengubahsuaian Model Pengurusan	215
4.3 Keputusan Ujian Hipotesis	221
4.4 Model Faktor-Faktor Prestasi Perniagaan Koperasi Sekolah Di Negeri Sabah.	226





SENARAI SINGKATAN

AJK	Ahli Jawatankuasa
ALK	Ahli Lembaga Koperasi
ANGKASA	Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad
ICA	International Cooperative Alliances
IKM	Institut Koperasi Malaysia
SKM	Suruhanjaya Koperasi Malaysia
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
UUK	Undang-undang Kecil





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN



05-4506832

**1.1 Pengenalan**Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Dalam bab ini, kajian ini dimulai dengan membincangkan beberapa maklumat yang berkaitan dengan latar belakang koperasi sekolah sebagai koperasi pendidikan, pernyataan masalah, tujuan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, kerangka konseptual kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, definisi operasional, dan pengorganisasian kajian.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



1.2 Latar Belakang Kajian

Koperasi sangat sinonim sebagai satu konsep bekerjasama atau berkoperasi yang memang telah diterima pakai sejak dahulu oleh masyarakat kita. Selain tujuan utamanya meningkatkan taraf kehidupan anggotanya, ia juga turut memainkan peranan dalam agenda pembasmian kemiskinan dan pengagihan kekayaan negara. Gerakan koperasi kontemporari turut memikul tanggungjawab dalam agenda transformasi negara dan perlu membuat perubahan. Gerakan koperasi tidak boleh lagi beroperasi secara konvensional tetapi perlu lebih kreatif dan berinovasi untuk bersaing dalam dunia perniagaan yang kompetitif.

Statistik menunjukkan anggota koperasi berjumlah lebih daripada tujuh juta

orang, yakni 25% daripada jumlah penduduk negara yang terdiri dari pelbagai lapisan dan golongan masyarakat merupakan satu aset yang penting dalam mencoraki masa depan gerakan koperasi dan ekonomi negara. Anggota koperasi merupakan tunjang kekuatan sesebuah entiti koperasi dan jika tidak diurus tadbirkan dengan baik ia boleh menjadi liabiliti. Kejayaan koperasi banyak bergantung kepada penglibatan aktif dan kesetiaan anggota, hal ini adalah kerana mereka juga adalah pengguna, modal insan dan pemimpin gerakan koperasi (Najib Razak, 2018). Dalam ucapan mantan Perdana Menteri Malaysia Najib Razak (2018) sewaktu merasmikan perayaan Hari Koperasi Negara pada tahun 2018 beliau telah menegaskan;

Koperasi sememangnya boleh memainkan peranan yang penting untuk memacu ekonomi negara dan untuk melahirkan budaya keusahawanan dan budaya mentadbir dengan baik. Peranan koperasi sangat diharapkan bagi membantu kerajaan mencapai





tahap pembangunan sepetimana yang telah ditetapkan dalam TN50 sekali gus dapat mengangkat negara kita Malaysia sebagai salah sebuah daripada 20 buah negara terunggul di dunia (Mohd. Zakuan, 2018).

Di Malaysia, sektor koperasi merupakan sektor ketiga penting dalam menyumbang kepada ekonomi negara selepas sektor kerajaan dan swasta. Gerakan koperasi yang telah menjangkau 97 tahun penubuhannya, merupakan salah satu penyumbang dalam pembangunan ekonomi negara. Gerakan koperasi telah menyumbang dalam pelbagai sektor ekonomi seperti dalam bidang kredit, pertanian, perumahan, kepenggunaan, pengangkutan, pembinaan dan perkhidmatan. Mengikut statistik Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) pada akhir tahun 2017, terdapat sejumlah 13,899 buah koperasi dengan 6.5 juta orang anggota dengan modal syer dan

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi
yuran berjumlah RM14.34 billion dan aset bernilai RM139.67 billion. Dari tahun 2009 hingga 2017 terdapat peningkatan yang menggalakkan bukan sahaja daripada segi bilangan koperasi, tetapi juga daripada segi aset koperasi. Angka-angka ini menunjukkan bahawa kepentingan koperasi seharusnya tidak dipandang ringan lebih-lebih lagi apabila kerajaan berhasrat memperkasakan sektor koperasi dan menjadikan ia sektor ketiga penting selepas sektor awam dan swasta dalam menjana ekonomi negara (Azmaliza, 2009).

Gerakan koperasi juga dianggap sebagai institusi pembangunan rakyat kerana koperasi boleh dijadikan sebagai asas untuk meningkatkan penyertaan orang ramai dalam pembangunan ekonomi melalui penggabungan tenaga kerja modal dan usaha. Sebagai contoh, melalui koperasi penyertaan golongan Bumiputera dalam sektor





ekonomi dapat digalakkan, jurang pendapatan di antara golongan miskin dan kaya dapat dikurangkan serta taraf hidup rakyat khasnya di luar bandar dapat ditingkatkan.

Demikian juga halnya dengan gerakan koperasi sekolah, gerakan koperasi sekolah di Malaysia telah bermula semenjak tahun 1968 melalui penubuhan sembilan buah koperasi sekolah di beberapa buah negeri di Semenanjung Malaysia. Sehingga akhir tahun 2017, gerakan koperasi telah mencapai tahap yang cukup membanggakan apabila 2,395 buah koperasi sekolah telah ditubuhkan dengan bilangan keanggotaannya meningkat sehingga seramai 2,021,624 orang pelajar sekolah menengah seluruh Malaysia dengan perolehan RM382.941 juta (SKM, 2018).

Lebih membanggakan apabila Malaysia merupakan satu-satunya negara di dunia yang mempunyai koperasi sekolah peringkat menengah, berbanding dengan negara lain yang hanya mempunyai koperasi di peringkat universiti sahaja. Presiden Angkatan Koperasi Malaysia (Angkasa) Datuk Abdul Fattah Abdullah (2017), berkata pelajar di negara ini amat bertuah kerana pada usia seawal 12 tahun sudah boleh mendaftar sebagai ahli koperasi dan mengambil bahagian secara aktif dalam mengurus perniagaan melalui kegiatan koperasi. Tambahnya lagi, negara Fiji, India dan Jepun yang berhasrat menukuhkan koperasi sekolah telah membuat kajian dan mempelajari selok-belok pengurusan koperasi sekolah di Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) manakala Korea Selatan, Thailand dan Singapura juga telah mengadakan lawatan ke koperasi-koperasi sekolah di negara ini. Peningkatan jumlah pelawat luar negara yang berminat untuk menjadikan pengurusan koperasi sekolah di Malaysia sebagai model rujukan membuktikan pengiktirafan negara luar terhadap pengurusan koperasi sekolah di Malaysia antara yang terbaik di dunia (Norashikin,





2017). Di samping itu, dalam satu mesyuarat Lembaga Ikatan Koperasi Antarabangsa (ICA) (2018) telah meminta Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (Angkasa) untuk mempromosikan dan membantu 105 negara anggota ICA mengenai konsep koperasi sekolah (Utusan, 2018).

Menurut perangkaan, 11,434.80 daripada 28,306.7 juta orang rakyat Malaysia berada dalam julat umur 15-39 tahun dan 77 peratus daripadanya berada dalam lingkungan usia 20 hingga 39 tahun. Generasi muda yang dalam lingkungan ini adalah aset yang penting bagi mencorakkan ekonomi pada masa hadapan (Subaizah, 2010). Mereka merupakan pelapis yang menjadi nadi dan penggerak utama yang mampu membantu dan memulihkan gerakan kepimpinan koperasi yang mana majoritinya dipimpin dan ditadbir oleh pemimpin lama yang memerlukan generasi muda yang berteknologi, aktif dan mampu memberikan idea-idea baru kepada kepimpinan gerakan koperasi. Oleh itu, pembentukan dan memperkasakan koperasi sekolah ialah satu agenda yang penting bagi memastikan ia boleh dijadikan landasan utama kepada generasi muda mempelajari ilmu perniagaan (Mohd Zakuan Azmi, 2018).

Koperasi sekolah dengan bilangan sebanyak 2,376 buah, keanggotaan seramai 2,021,624 juta orang, syer berjumlah RM24,835,786 juta, aset RM327,016,073 juta, perolehan RM359,288,111 juta setahun dan keuntungan sebanyak RM25.51 juta setahun (sehingga Disember 2017) lihat jadual 1.1, merupakan institusi penting yang memberi sumbangan besar dan bermakna di dalam membangun warga sekolah (pelajar, guru, kakitangan dan ibu bapa). Pelajar ialah pelapis kepimpinan negara dan koperasi dan kesinambungannya pada masa hadapan. Melalui penyertaan dan penglibatan pelajar, para pelajar dapat memantapkan sahsiah diri selaras dengan Falsafah





Pendidikan Kebangsaan sambil mempelajari atau menimba pengalaman berguna berkaitan perniagaan dan keusahawanan. Melalui koperasi sekolah, pelajar sebagai warganegara tanpa mengira jantina, bangsa dan agama dibimbing, dilatih dan didik mengamalkan nilai-nilai murni selaras dengan semangat Malaysia Negara ku.

Jadual 1.1

Statistik Koperasi Sekolah di Malaysia.

Bil	Negeri	Bilangan Koperasi	Anggota	Syer/Yuran	Aset	Perolehan
1	Johor	268	281,467	3,045,301	48,754,304	46,102,553
2	Kedah	191	148,960	1,770,148	31,809,961	28,820,409
3	Kelantan	161	148,872	2,046,016	20,255,559	29,396,456
4	Melaka	81	68,538	828,223	14,873,165	14,702,508
5	Negeri Sembilan	125	106,396	1,066,608	16,989,235	15,868,505
6	Pahang	195	110,031	1,562,272	23,105,296	22,685,201
7	Perak	246	148,480	2,611,460	29,930,979	33,267,681
8	Perlis	32	25,731	208,275	4,072,353	5,190,431
9	Pulau Pinang	134	56,647	1,595,046	18,198,985	19,001,818
10	Sabah	220	178,905	1,631,822	18,459,824	20,311,783
11	Sarawak	187	200,735	1,816,837	29,620,097	32,674,962
12	Selangor	269	345,648	3,756,037	37,078,966	42,535,085
13	Terengganu	158	103,169	1,568,153	20,440,466	36,102,449
14	Wilayah Persekutuan	109	98,045	1,328,590	13,426,884	12,628,270
Jumlah		2,376	2,021,624	24,835,786	327,016,073	359,288,111

Sumber: Suruhanjaya Koperasi Malaysia (2018).

Pada dekad ini, pencapaian koperasi sekolah boleh dibanggakan walaupun kewujudannya lebih dilihat daripada sudut sosial berbanding ekonomi, namun kepentingan koperasi ini daripada struktur koperasi tanah air tidak dapat dinafikan. Koperasi sekolah menguasai 14.4 peratus bilangan gerakan koperasi di Malaysia iaitu sebanyak 22.8 peratus dalam keanggotaan tahun 2017 dan sebanyak 2.49 peratus perolehan berbanding dengan perolehan gerakan koperasi lihat Jadual (1.1). Justeru itu, koperasi sekolah tidak lagi dipandang sebagai kedai koperasi yang hanya menjual alat tulis untuk keperluan pelajar, malah setanding dengan koperasi dewasa kerana koperasi sekolah juga termasuk sebagai penyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar





(KDNK). Bukan itu sahaja, koperasi sekolah mampu menjadi model terbaik dalam pengurusan koperasi sekolah di peringkat antarabangsa apabila semakin banyak negara di Asia berhasrat mencontohi Malaysia dalam bidang tersebut termasuk Jepun, India dan Fiji yang datang ke Malaysia bagi menjalankan kajian untuk mempelajari selok-belok pengurusan koperasi sekolah (Abdul Fattah Abdullah & Ahmad Marzuki Ismail, 2017).

Jadual 1.2

Statistik Perbandingan Koperasi Dewasa dan Koperasi Sekolah bagi tahun 2017

Jenis Koperasi	Bilangan Koperasi	Bilangan Anggota	Aset (RM)	Syer/Yuran (RM)	Perolehan (RM)
Dewasa	13,899	6.5 juta	139.67 bilion	14.34 bilion	40.24 bilion
Sekolah	2,338	1.925 juta	315.091 juta	18.898 juta	264.324 juta

Sumber: Angkasa (2018), www.Angkasa.coop/bm/index/php



Jika dilihat secara makro, penubuhan koperasi sekolah sangat memberi impak yang baik bukan sahaja kepada kemenjadian pelajar malah kepada penghasilan ekonomi. Namun begitu, secara mikro nya kejayaan koperasi sekolah jika dilihat secara statistik adalah tidak seragam jika dibandingkan dengan keupayaan, kekuatan dan sumber modal insan yang ada. Sedangkan perniagaan koperasi sekolah merupakan satu entiti yang homogen dalam banyak aspek seperti produk yang dijual, kaedah promosi, pendedahan latihan dan pendidikan, aspek pengurusan dan modal yang disumbangkan. Sepatutnya pencapaian dari segi prestasi perniagaan haruslah sama atau menghampiri sama namun berlaku sebaliknya. Malah dari jumlah keseluruhan koperasi yang berdaftar di bawah SKM sehingga pada tahun 2016, didapati dari jumlah 2,355 buah koperasi yang berdaftar terdapat sebelas buah yang tidak aktif dan sepuluh buah telah





dikategorikan sebagai dorman (Suruhanjaya Koperasi Malaysia, 2018). Persoalannya kenapa fenomena ini terjadi?

Selari dengan kehendak Dasar Koperasi Negara 2011 – 2020 Angkasa memainkan peranan dalam membantu mengembang dan membangunkan perniagaan koperasi sekolah dalam usaha untuk melonjakkan pendapatan koperasi supaya turut memberi sumbangan berkesan kepada pendapatan negara yang menyasarkan sektor koperasi menyumbang RM50 bilion menjelang tahun 2020. Oleh yang demikian, gerakan koperasi sekolah hendaklah memainkan peranan yang sama dengan koperasi dewasa bagi merealisasikan visi ini. Tambahan pula, pihak Angkasa juga berhasrat untuk melahirkan koperasi sekolah yang boleh menghasilkan pendapatan melebihi RM1 juta setiap tahun. Tujuan murni tidak mustahil boleh direalisasikan, ini kerana beberapa buah koperasi sekolah seperti MRSM Kepala Batas Berhad, MRSM Kubang Pasu Berhad, Kolej Vokasional Tanah Merah Berhad, MRSM Batu Pahat Berhad, dan SMK Kota telah memperoleh pendapatan menghampiri sejuta ringgit bagi tahun 2017 (Abdul Fatah Abdullah, 2018).

Oleh yang demikian, adalah wajar kajian yang lebih serius dilakukan bagi mengenal pasti potensi dan peluang yang koperasi sekolah bagi meneliti kejayaan yang seragam sesuai dengan ciri dan karakter koperasi sekolah. Bab seterusnya akan membincangkan hala tuju mengenal pasti faktor yang memberi kesan terhadap kejayaan koperasi sekolah khasnya di Negeri Sabah.



1.3 Pernyataan Masalah Kajian

Dasar Koperasi Negara (DKN) 2002 – 2020 telah diperkenalkan dengan menggariskan beberapa strategi pelaksanaan untuk membolehkan gerakan koperasi berperanan lebih aktif dalam pembangunan negara bersama-sama sektor awam dan swasta. Gerakan koperasi sekolah juga seharusnya boleh menelusuri agenda besar ini dengan turut sama menyumbang kepada pendapatan koperasi secara kolektif seperti mana yang disasarkan dalam Teras Strategik I DKN 2002 – 2020 bagi menyumbang kepada keluaran negara kasar sebanyak 10% menjelang 2020 (Angkasa, 2017).

Namun begitu, pihak Angkasa (2017) menyatakan walaupun perkembangan koperasi di Malaysia adalah memberangsangkan tetapi masih terdapat kelemahan dalam pencapaian perniagaan. Kenyataan ini termasuk juga dengan pencapaian perniagaan koperasi sekolah. Ini terbukti melalui statistik perolehan koperasi seluruh Malaysia yang menunjukkan jurang perbezaan yang sangat ketara antara koperasi sekolah dan koperasi dewasa, koperasi sekolah pada tahun 2015 hanya mampu menyumbang sebanyak RM 338,945,711 (1.01%) berbanding dengan koperasi dewasa sebanyak RM 33,557,886,238 (SKM, 2015). Sumbangan koperasi sekolah terhadap perolehan pendapatan masih terlalu kecil jika dibandingkan dengan potensi sebenar yang dimiliki oleh koperasi sekolah yang memiliki pelanggan tetap yang terdiri dari kalangan ahli koperasi itu sendiri.

Dengan jumlah keanggotaan seramai 2,088,384 orang sepatutnya kuasa beli adalah tinggi yang secara langsung boleh menyumbangkan pendapatan yang tinggi terhadap koperasi sekolah. Penubuhan koperasi sekolah sebagai sebuah entiti



perniagaan masih gagal mencapai objektifnya untuk menghasilkan keuntungan yang sepatutnya berbanding dengan kantin sekolah (Abdul Fatah, 2017). Fenomena ini juga berlaku pada koperasi sekolah di Sabah. Statistik SKM, (2018) menunjukkan julat pendapatan tahunan koperasi sekolah di Sabah sangat jauh berbeza, dari 220 buah koperasi sekolah yang didaftarkan di bawah Suruhanjaya Koperasi Malaysia hanya 80 (36.4%) buah koperasi sekolah yang mampu memperoleh pendapatan tahunan sebanyak seratus ribu ringgit ke atas (SKM, 2018). Sedangkan koperasi sekolah pada asasnya bersifat homogen dari segi struktur fizikal mahupun dari segi pengurusannya. Sepatutnya, julat jurang perbezaan kejayaan antara koperasi di Sabah tidak terlalu jauh berbeza seandainya faktor homogen ini diambil kira sebagai kekuatan kejayaan koperasi sekolah.



(ALK) yang terdiri dari kalangan guru dan dibantu oleh para pelajar. Tidak kira apa peranan yang harus dimainkan oleh guru, koperasi sekolah terikat oleh undang-undangnya. Guru diberi mandat untuk memegang jawatan sebagai Ahli Lembaga Koperasi masih tertakluk kepada peruntukan tanggungjawab Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Persoalannya ialah, berapa banyak yang dapat dilakukan oleh Lembaga Koperasi yang terdiri daripada guru sekolah yang dapat menanggung tanggungjawab dan beban tugas lain selain mengajar. Dalam persekitaran ini, hanya Lembaga yang berwibawa dapat membuat perubahan atau peningkatan dalam koperasi sekolah untuk mencapai objektifnya. Namun begitu, dapatan kajian tahap kecekapan keseluruhan di kalangan Lembaga Koperasi Sekolah mempunyai nilai jurang negatif tahap kecekapan semasa adalah kurang daripada tahap kompetensi yang dikehendaki.





Ini menunjukkan bahawa Lembaga koperasi tidak cekap dalam setiap faktor kecekapan (Jamilah Din, Noranita Mohd Nor, Rashid, & Muhammad Yusuf Ibrahim, 2012).

Dapatan ini menjelaskan bahawa guru yang menjadi pengurus dan ALK koperasi sekolah adalah terdiri dari mereka yang mempunyai latar belakang pendidikan yang tinggi namun apabila mereka diberi tanggungjawab dalam bidang koperasi, pengetahuan mereka adalah sangat cetek dan harus diberi banyak pendedahan kerana mereka adalah pemimpin koperasi (Jamilah Din, Noranita Mohd Nor, et al., 2012). Kecekapan hanya akan dapat dipertingkatkan melalui pendidikan dan latihan yang didedahkan kepada semua anggota. Ini kerana kekurangan ilmu dalam mengurus koperasi merupakan punca utama menyebabkan koperasi sukar mencapaikan kejayaan yang sepatutnya (Norsyeirawani Shari, 2016).



Aktiviti koperasi terbahagi kepada dua bahagian yang utama iaitu aktiviti ekonomi dan aktiviti sosial. Menjalankan aktiviti sosial berkaitan koperasi bukanlah satu masalah yang besar bagi warga koperasi sekolah, ini kerana semua guru telah dilatih untuk melakukan aktiviti kurikulum yang kaitan langsung dengan aktiviti sosial. Berlaku sebaliknya terhadap aktiviti ekonomi yang mana tidak semua guru khasnya yang menjadi ALK mempunyai pengetahuan dalam bidang perniagaan. Sedangkan untuk berjaya dalam perniagaan ilmu berkaitan campuran pemasaran amat penting khasnya dalam menyusun atur strategi perniagaan (Mohamad Ali Hasan & Ahmad Marzuki Ismail, 2016).





Kajian menunjukkan kegagalan usahawan dalam mengurus perniagaan adalah berpunca dari kurangnya pengetahuan berkaitan strategi campuran pemasaran yang berkesan (Pratihar, 2014). Masalah pemasaran yang sering dihadapi oleh pengurus koperasi adalah yang berkaitan dengan pemasaran produk, yang mencakupi strategi produk, dan strategi promosi yang betul. Kecetekan ilmu berkaitan strategi pemasaran ini menjadi halangan kepada koperasi sekolah untuk berjaya dalam perniagaan yang mereka jalankan(Mohamad Ali Hasan & Ahmad Marzuki Ismail, 2016). Bagi merangsang kejayaan sesebuah perniagaan aktiviti pengurusan amat penting, kerana ia merupakan nadi dalam sistem sesuatu organisasi. Dalam kajian (Rose Ruziana Samad & Zurina Shafii, 2015) mendapati antara cabaran dalam koperasi bagi mencapai matlamat untuk berjaya, adalah kegagalan pihak pengurusan menjalankan tadbir urus koperasi yang baik di samping pengurusan integriti yang masih gagal dipenuhi. Ekoran itu, telah menyebabkan banyak koperasi sekolah khasnya hanya berada dalam tahap sederhana dari segi pencapaian kewangan, sedangkan koperasi sekolah berpotensi bergerak lebih jauh ke hadapan (Mohamad Ali Hasan & Ahmad Marzuki Ismail, 2017; & Rose Ruziana Samad & Zurina Shafii, 2015). Elemen pengurusan koperasi di sekolah sering menjadi cabaran kepada guru kerana ia merupakan entiti yang dikawal selia oleh badan luar di samping kawalan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia.

Koperasi sekolah juga menghadapikekangan untuk meningkatkan modal bagi menjalankan aktiviti perniagaan koperasi. Aspek modal merupakan pemboleh ubah yang sangat penting sebelum proses memulakan sesebuah perniagaan. Modal akan menentukan corak, saiz, jenis sesuatu perniagaan yang akan ditubuhkan. Koperasi sekolah sering menghadapi masalah bagi memperbesarkan saiz perniagaan kerana kekurangan modal, secara langsung akan menyebabkan koperasi tidak mencapai tahap



dikategorikan sebagai koperasi yang maju oleh pihak SKM kerana gagal mencapai pendapatan yang tinggi akibat aktiviti urus niaga yang terhad kesan kekurangan modal. Koperasi sekolah hanya bergantung kepada sumbangan syer dari ahli mereka (Mohamad Haswardi Morshidi, 2017). Kajian Aishah Ariffin, Farahaini Mohd Hanif, Salwana Ali, Nor Alyani Abdul Razak, & Zulkarnain Muhamad Sori, (2016), juga menunjukkan majoriti koperasi menghadapi masalah untuk menyediakan sumber dana berbentuk kewangan yang mencukupi bagi menampung aktiviti perniagaan koperasi.

Di samping kekangan faktor di atas, koperasi sekolah turut berhadapan masalah yang lebih besar berkaitan motivasi kerja pengurus yang merupakan Ahli Lembaga Koperasi yang terdiri dari kalangan guru untuk mengurus aktiviti koperasi yang lebih mencabar. Hal ini demikian kerana, koperasi sekolah tidak seperti persatuan lain, persatuan ini tertakluk dengan peraturan dan akta koperasi yang harus diikuti dan akan di audit setiap tahun oleh juru audit Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Yang mana, lembaga koperasi juga bertanggungjawab dalam menyediakan dokumen-dokumen penting sebagai keperluan pengauditan tahunan koperasi terutama sekali penyataan kewangan koperasi dan laporan aktiviti koperasi. Kegagalan menyediakan dokumen ini akan menyebabkan Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) Koperasi tidak dapat diadakan. Mengikut perundangan koperasi, sekiranya MAT tidak dapat dijalankan maka lembaga koperasi boleh diambil tindakan undang-undang di bawah seksyen 39(1) Akta Koperasi 1993 pindaan 2007 (Undang-undang Malaysia, 2009). Hal ini menjadi satu beban kepada guru koperasi (ALK) kerana tugas guru semakin mencabar dan bertambah. Setiap guru biasa akan mempunyai komitmen terhadap tiga kompetensi utama iaitu kurikulum, kokurikulum, hal ehwal pelajar di samping tugas pentadbiran. Setiap kompetensi mempunyai kebertanggungjawaban yang berbeza dan pelaporan harus di



hantar secara berkala mengikut skop tugas guru berkenaan. Walaupun pihak pentadbiran sekolah cuba sedaya upaya menyelesaikan bebanan ini tetapi situasi dalam sekolah kadangkala tidak mengizinkan (Mohamad Ali Hasan & Ahmad Marzuki Ismail, 2016). Tambahan pula, ada di kalangan guru koperasi menganggap gerakan koperasi hanya sebagai aktiviti kokurikulum di sekolah sebagaimana persatuan-persatuan yang lain. Fenomena ini, telah menyebabkan kurangnya komitmen pihak berkenaan terhadap pengurusan koperasi sekolah yang sepatutnya dikawal selia oleh seorang guru yang berjawatan tetap sebagai pengurus koperasi (Aishah Ariffin, Nasibah Ahmad, Rohalinda Ahad, & Nor Arma Abu Talib, 2015).

Keadaan bertambah buruk apabila guru koperasi bertukar tempat kerja, segala kerja yang telah dirancang tidak diteruskan oleh guru yang baru mengambil alih jawatan berkenaan (Jamilah Din, Noranita Mohd Nor, et al., 2012). Sepatutnya perlantikan guru koperasi berdasarkan kelayakan dan pengalaman bukannya melantik mengikut kekosongan jawatan (Mior Shahrin Mior Mohd Yusop, 2012). Oleh yang demikian motivasi kerja yang tinggi perlu ada pada seseorang guru yang bertugas dalam sebagai pengurus koperasi sekolah (Arief, 2017). Tanpa motivasi yang mendorong untuk mengurus perjalanan koperasi sudah pasti matlamat untuk menjadikan koperasi sekolah ke arah yang diharapkan pasti tidak akan tercapai. Ini kerana tugas sebagai guru koperasi bukanlah tugas hakiki sebagai seorang guru, jika ini menjadi prinsip kepada guru koperasi sudah pasti potensi ekonomi koperasi sekolah tidak dapat digarap sepenuhnya seperti yang diharapkan oleh pihak Angkasa. Justeru, kajian ini menjadikan motivasi kerja ALK sebagai mediator adalah berdasarkan pembacaan literatur yang dirujuk oleh pengkaji.





Sehubungan dengan itu, kajian ini akan melihat sejauh mana faktor-faktor kejayaan koperasi yang disenaraikan (produk, promosi, pendidikan dan latihan, pengurusan, modal dan motivasi kerja) mempengaruhi secara langsung atau tidak langsung terhadap prestasi perniagaan koperasi sekolah. Diharapkan kajian ini dapat menangani semua permasalahan yang wujud dalam mengurus perniagaan koperasi sekolah khasnya di negeri Sabah. Di samping itu juga, kajian ini diharap dapat mengisi lompong kajian berkaitan yang telah dilakukan oleh pengkaji terdahulu dari segi konseptual kajian yang belum dilakukan yang menjurus kepada membaiki prestasi perniagaan koperasi sekolah. Diharapkan model kajian yang akan dihasilkan dari konseptual kajian ini kelak boleh dijadikan panduan kepada semua koperator koperasi sekolah. Demikian juga instrumen kajian ini yang telah disahkan dan dibuktikan kebolehpercayaannya boleh diguna pakai untuk para pengkaji akan datang.



Ini kerana kewujudan koperasi sekolah mampu memberi sumbangan kepada pendapatan negara seperti mana koperasi dewasa jika koperasi sekolah diurus dengan baik. Kewujudan peluang perniagaan yang diberikan kepada warga sekolah harus diambil peluang bukan sahaja untuk memberi ilmu bermiaga kepada pelajar malah boleh mendapatkan wang tambahan hasil keuntungan perniagaan koperasi. Justeru itu, kajian ini adalah bertujuan untuk mengisi lompong kajian yang kurang dilakukan terhadap perniagaan koperasi sekolah bagi membantu koperator sekolah menghadapi cabaran mengurus perniagaan dan seterusnya membangunkan koperasi sekolah ke arah yang lebih efektif dan efisien.





1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini telah mengkaji pengaruh faktor-faktor kejayaan dan motivasi kerja Ahli Lembaga Koperasi selaku pengurus koperasi terhadap prestasi perniagaan koperasi sekolah. Penyelidikan ini akan dijalankan terhadap koperasi sekolah yang terdapat di Sabah. Senarai koperasi sekolah serta bilangan yang akan dikaji adalah koperasi sekolah yang terdaftar dengan pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) yang masih aktif. Dalam kajian ini hanya ALK guru yang akan terlibat, Akta Koperasi (1993) Ahli Lembaga Koperasi adalah yang terdiri dari pengurusi, setiausaha, bendahari atau mana-mana anggota lain Lembaga dan pegawai pengurusan terkanan, adalah menjadi kumpulan yang bertanggungjawab bagi membuat perancangan, pengorganisasian, pengarahan dan pengawalan koperasi sekolah. Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk mengetahui tahap pengaruh faktor-faktor kejayaan dan motivasi kerja ALK selaku pengurus koperasi terhadap prestasi perniagaan koperasi sekolah.

1.5 Objektif Kajian

Kajian ini adalah untuk membincangkan objektif-objektif kajian bagi menjawab persoalan kajian dalam bab seterusnya. Perkara ini meliputi objek khusus dan objektif umum bagi kajian ini. Berikut digariskan beberapa objektif kajian dalam penyelidikan ini;





- i. Mengenal pasti sama ada faktor-faktor kejayaan (produk, promosi, pendidikan dan latihan, pengurusan, modal, serta motivasi kerja) mempengaruhi prestasi perniagaan koperasi sekolah di Sabah.
- ii. Mengenal pasti sejauh mana kesan mediator (perantara) motivasi kerja ahli lembaga koperasi dengan faktor-faktor kejayaan (produk, promosi, pendidikan dan latihan, pengurusan dan modal) terhadap prestasi perniagaan koperasi sekolah di Sabah.
- iii. Mencadangkan satu model bagi hubungan faktor-faktor kejayaan dan motivasi kerja pengurus koperasi yang dapat meningkatkan prestasi perniagaan koperasi sekolah di Sabah.



1.6 Persoalan Kajian

Kajian ini telah menjawab semua persoalan sama ada faktor produk, faktor promosi, faktor pendidikan dan latihan, faktor pengurusan dan faktor modal, sebagai pemboleh ubah bebas berpengaruh terhadap prestasi perniagaan koperasi sekolah di Sabah sebagai pemboleh ubah bersandar. Di samping itu, kajian ini telah mengenal pasti sejauh mana pengaruh pemboleh ubah bebas tersebut dimediator oleh pemboleh ubah motivasi kerja ALK guru koperasi sekolah sebagai pemboleh ubah mediator iaitu;

- i. Apakah pengaruh faktor produk terhadap prestasi perniagaan koperasi sekolah?
- ii. Apakah pengaruh faktor promosi terhadap prestasi perniagaan koperasi sekolah?





- iii. Apakah pengaruh faktor pendidikan dan latihan terhadap prestasi perniagaan koperasi sekolah?
- iv. Apakah pengaruh faktor pengurusan terhadap prestasi perniagaan koperasi sekolah?
- v. Apakah pengaruh faktor modal terhadap prestasi perniagaan koperasi sekolah?
- vi. Apakah pengaruh motivasi kerja terhadap prestasi perniagaan koperasi sekolah?
- vii. Adakah motivasi kerja pengurus koperasi (ALK) berperanan sebagai mediator (perantara) dengan faktor-faktor kejayaan terhadap prestasi perniagaan koperasi sekolah?
- viii. Adakah model cadangan bagi hubungan faktor-faktor kejayaan dan motivasi pengurus koperasi sekolah yang dapat meningkatkan prestasi perniagaan koperasi sekolah di Sabah sah?



1.7 Hipotesis Kajian

Bagi kajian ini, hipotesis yang dibina adalah seperti berikut;

- H₁: Terdapat pengaruh yang signifikan dan positif antara faktor produk dengan prestasi perniagaan koperasi sekolah.
- H₂: Terdapat pengaruh yang signifikan dan positif antara faktor promosi dengan prestasi perniagaan koperasi sekolah.
- H₃: Terdapat pengaruh yang signifikan dan positif antara faktor pendidikan dan latihan dengan prestasi perniagaan koperasi sekolah.





- H₄: Terdapat pengaruh yang signifikan dan positif antara faktor pengurusan dengan prestasi perniagaan koperasi sekolah.
- H₅: Terdapat pengaruh yang signifikan dan positif antara faktor modal dengan prestasi perniagaan koperasi sekolah.
- H₆: Terdapat pengaruh yang signifikan dan positif antara faktor motivasi kerja pengurus koperasi dengan prestasi perniagaan koperasi sekolah.
- H₇: Motivasi kerja ALK memberi kesan mediator (perantara) dalam hubungan faktor produk dengan prestasi perniagaan koperasi sekolah di Sabah.
- H₈: Motivasi kerja ALK koperasi memberi kesan mediator (perantara) dalam hubungan faktor promosi dengan prestasi perniagaan koperasi sekolah di Sabah.
- H₉: Motivasi kerja ALK memberi kesan mediator (perantara) dalam hubungan faktor pendidikan dan latihan dengan prestasi perniagaan koperasi sekolah di Sabah.
- H₁₀: Motivasi kerja ALK koperasi memberi kesan mediator (perantara) dalam hubungan faktor pengurusan dengan prestasi perniagaan koperasi sekolah di Sabah.
- H₁₁: Motivasi kerja ALK memberi kesan mediator (perantara) dalam hubungan faktor modal dengan prestasi perniagaan koperasi sekolah di Sabah.
- H₁₂: Model persamaan struktur bagi hubungan antara faktor kejayaan dan motivasi kerja ALK (mediator) terhadap prestasi perniagaan koperasi sekolah yang dicadangkan sepadan dengan data kajian.





1.8 Kerangka Konseptual Kajian

Kajian ini telah membina kerangka teoretikal berdasarkan beberapa kajian dan literatur yang terdahulu serta pelbagai pendapat pengkaji pada bidang masing-masing. Penyelidik mencadangkan bahawa kerangka konsep kajian ini terdiri dari pemboleh ubah bebas faktor produk, faktor promosi, faktor latihan, faktor pengurusan, faktor modal sebagai pemboleh ubah bebas (iv) dan motivasi kerja pengurus sebagai mediator serta prestasi perniagaan koperasi sekolah sebagai pemboleh ubah bersandar (dv).

- i. Kajian Jamilah et al., (2012) yang dilakukan terhadap 100 buah koperasi gred A di Malaysia yang telah menggunakan model McKinsey 7S sebagai faktor kejayaan koperasi sekolah. Faktor tersebut adalah strategi, gaya kepimpinan, nilai bersama, sistem, struktur, anggota / kakitangan koperasi dan kemahiran. Dalam kajian tersebut faktor pengurus (kakitangan dan gaya kepimpinan), pendidikan dan latihan (kemahiran), pengurusan (nilai, sistem dan struktur) memainkan peranan penting dalam memajukan koperasi sekolah di Malaysia.
- ii. Hasil kajian Mustapa Kamal (2015), mendapati bahawa faktor personaliti (pengurus), pengetahuan, dan motivasi mempunyai hubungan yang signifikan dengan kejayaan koperasi kredit di Malaysia. Hal ini menunjukkan faktor campuran pemasaran dalam konteks kajian ini berkait rapat dengan kejayaan sebuah koperasi umumnya dan koperasi sekolah khasnya.
- iii. Kajian Aishah et.al. (2015) mendapati keperluan motivasi pengurus koperasi adalah sangat signifikan dengan kejayaan sesuatu koperasi. Pengurus yang bermotivasi banyak membantu dalam menyelesaikan segala permasalahan dalam yang timbul kesan dari pengurus yang dilantik secara tetap yakni dalam konteks sekolah berkait rapat dengan guru penasihat koperasi sekolah itu






sendiri. Hal ini bermaksud bahawa mewujudkan motivasi pengurus koperasi sekolah sangat penting bagi melancarkan aktiviti koperasi sekolah dan seterusnya meningkatkan pencapaian sesebuah koperasi sekolah.

Sehubungan dengan semua hasil yang dinyatakan di atas, maka dengan itu kajian ini akan mengkaji pengaruh produk, promosi, pendidikan dan latihan, pengurusan, dan modal (faktor-faktor kejayaan) terhadap prestasi perniagaan koperasi sekolah melalui mediator motivasi kerja ALK koperasi sekolah.

Dalam kajian ini terdapat tujuh pemboleh ubah yang terdiri dari lima pemboleh ubah bebas (iv) iaitu; produk, promosi, pendidikan dan latihan, pengurusan, modal dan satu pemboleh ubah mediator iaitu; motivasi kerja ALK guru koperasi serta prestasi koperasi sekolah sebagai pemboleh ubah bebas (v). Pemboleh ubah produk dan promosi merupakan gabungan campuran pemasaran 4P (*product, promotion, place and price*), namun dalam kajian ini pengkaji hanya mengambil 2P iaitu produk dan promosi. Ini kerana 2P yang lain iaitu tempat dan harga didapati tidak memberi impak yang besar terhadap prestasi perniagaan koperasi sekolah seperti dalam sorotan kajian yang sangat kurang menekan kedua-dua pemboleh ubah ini (Mohamad Ali Hasan & Ahmad Marzuki Ismail, 2017). Manakala pemboleh ubah yang lain dia ambil dari bacaan literatur yang dirujuk oleh pengkaji. Lima pemboleh ubah peramal itu telah dihibridkan menjadi satu konstruk faktor-faktor kejayaan koperasi. Manakala pemboleh ubah mediator yakni ALK selaku pengurus koperasi, pengkaji hanya mengukur tahap motivasinya.



Berdasarkan rumusan hipotesis yang telah dibuat di atas, kesimpulan daripada pengaruh pemboleh ubah dari setiap pemboleh ubah dan kajian teori atau literatur yang diperoleh dari jurnal-jurnal, buku-buku, dan hasil penyelidikan yang terdahulu serta pelbagai pendapat ahli dalam bidang masing-masing, maka pengkaji telah membuat sebuah model konseptual kajian sementara, seperti dalam Rajah 1.1 di bawah;



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian

Berdasarkan kajian literatur, kajian Model McKinsey 7S, maka kerangka teoretikal / konsep kajian ini telah dikembangkan dengan menambah Teori Campuran Pemasaran dan motivasi kerja (Teori Motivasi) ALK selaku pengurus koperasi sekolah sebagai pengantara (mediator) terhadap prestasi perniagaan koperasi sekolah di Sabah seperti dalam rajah 1.1.



1.9 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting bagi semua pelajar yang telah menyertai dan menjadi ahli koperasi di sekolah masing-masing sebagai panduan bagi mengurus aktiviti perniagaan koperasi mereka. Kebanyakan pelajar yang menjadi ahli dan ALK pelajar sangat cetek ilmu berkaitan pengurusan perniagaan koperasi malah ada yang jadi ahli “*sleeping partner*” sahaja. Sedang mereka sepatutnya menjadi ahli yang aktif yang ambil tahu segala apa yang berlaku dalam gerakan koperasi mereka.

Demikian juga dengan guru yang menjadi penggerak utama dalam gerakan koperasi sekolah, diharapkan hasil kajian ini nanti akan dapat membantu mereka untuk lebih mengetahui jenis aktiviti perniagaan yang sepatutnya boleh dijalankan.

Tanggapan koperasi hanya satu aktiviti kokurikulum sepatutnya dikikis kerana gerakkan koperasi sebenarnya satu peluang yang diberikan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) kepada pihak sekolah untuk menjana pendapatan melalui perniagaan yang dijalankan oleh koperasi sekolah. Peluang ini harus diambil dengan lapang dada kerana dengan bantuan pihak Angkasa, MKM dan SKM koperasi sekolah banyak diberi keistimewaan berbanding dengan koperasi dewasa.

Bagi barisan pentadbir sekolah, diharapkan kajian ini nanti akan menambahkan lagi kefahaman mereka tentang apa itu koperasi sekolah, yang selama ini kebanyakan pihak pentadbir sekolah hanya melihat gerakkan koperasi secara holistik ataupun hanya secara makro bukan secara mikro. Fenomena persepsi inilah yang kadang-kadang telah membuatkan ada setengah-setengah sekolah, gerakan koperasinya ibarat hidup segan





mati tak mahu. Penglibatan pentadbir khasnya Pengetua sangat signifikan dengan kemajuan gerakkan koperasi sekolah.

Kajian ini juga sangat berguna kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sebagai penggubal dasar untuk melihat lebih dalam peranan seorang guru yang menjadi penasihat atau pengurus (ALK) sesebuah koperasi sekolah. Kontemporari ini, pengurus koperasi sekolah merupakan penasihat koperasi yang dilantik memegang jawatan berdasarkan pot folio seperti penasihat persatuan dalam unit-unit lain bagi unit kurikulum. Jawatan ini tidak memberikan apa-apa kelebihan maupun keistimewaan dari segi penggunaan masa dalam jadual waktu kerja dan pengajaran seseorang guru. Yang mana sepatutnya, mana-mana guru yang memegang jawatan yang penting dalam struktur organisasi sekolah diberikan peruntukan masa khas bagi mengurus sesuatu perjawatan yang disandang seperti guru pusat sumber sekolah, guru sebagai pegawai aset sekolah yang mana mereka diberikan pengurangan masa mengajar bagi mengurus hal-hal yang berkaitan jawatan mereka.

Di samping itu, diharapkan kajian ini nanti akan memberi pendedahan kepada pihak berkepentingan seperti Angkasa, MKM, SKM dalam membantu secara lebih agresif kepada semua koperasi sekolah berdasarkan potensi perniagaan yang boleh dijalankan oleh koperasi sekolah berkenaan. Beberapa peraturan juga mungkin perlukan dilonggarkan khasnya yang berkaitan dengan audit yang mana selama ini guru tertekan dengan pengauditan yang begitu ketat sehingga ada antara pengurus koperasi sekolah hilang motivasi untuk mengurus koperasi sekolah. Hal ini berlaku kerana seseorang guru terpaksa melakukan tugas tambahan pada masa yang sama menyiapkan pelbagai laporan yang berkaitan tugas hakiki mereka.





Dapatan kajian ini juga diharapkan akan dapat memberi maklumat berkaitan dengan strategi campuran pemasaran dan kepentingan ALK sebagai pengurus tetap dalam memajukan perniagaan koperasi sekolah supaya setanding dengan koperasi dewasa malahan boleh dijadikan sebagai entiti perniagaan yang boleh menjana keuntungan yang seterusnya memberi pulangan kepada semua ahlinya. Potensi yang besar yang dimiliki oleh koperasi sekolah harus boleh digarap supaya lebih produktif sesuai dengan keistimewaan koperasi sekolah yang mempunyai pelanggan yang sedia ada malah boleh terbuka kepada pengguna luar. Tidak mustahil suatu hari nanti gerakan koperasi sekolah yang bukan sahaja sebagai tempat pelajar menimba pengalaman bermiaga akan lebih menonjol dengan identiti baru iaitu sebagai sebuah entiti perniagaan yang boleh menyumbang kepada Keluaran Negara Kasar (KNK).



Kepada pengkaji diharapkan kajian ini boleh memberikan sumbangan sebagai bahan wacana yang boleh dijadikan panduan sumber rujukan. Di Malaysia dan di luar negara kajian berkaitan koperasi sekolah amat terhad dan sangat sukar untuk mendapatkan bahan yang berkaitan dengan koperasi sekolah khasnya yang berkaitan perniagaan koperasi sekolah.

1.10 Batasan Kajian

Bagi melakukan kajian pengkaji telah menghadapi beberapa batasan kajian. Batasan pertama ialah kajian ini hanya melihat pengaruh pemboleh ubah bebas produk, promosi, pendidikan dan latihan, pengurusan, modal dan satu pemboleh ubah mediator iaitu; motivasi ALK (pengurus) serta kejayaan koperasi sekolah sebagai pemboleh ubah



bebas (DV). Pemboleh ubah produk dan promosi merupakan gabungan campuran pemasaran 4P (*product, promotion, place and price*), namun dalam kajian ini pengkaji hanya mengambil 2P iaitu produk dan promosi. Ini kerana 2P yang lain iaitu tempat dan harga didapati tidak memberi impak yang besar terhadap prestasi perniagaan koperasi sekolah seperti dalam sorotan kajian yang sangat kurang menekan kedua-dua pemboleh ubah ini. Dapatan kajian ini hanya terhadap pemboleh ubah yang dikaji oleh pengkaji dengan andaian pemboleh ubah lain mungkin boleh mempengaruhi tetapi tidak termasuk dalam kajian ini. Lima pemboleh ubah peramal itu telah dihibridkan menjadi satu konstruk faktor-faktor kejayaan koperasi. Manakala pemboleh ubah mediator yakni motivasi kerja ALK (pengurus) tetapi pengkaji hanya mengukur tahap motivasinya.

Kedua, terdapat kemungkinan responden kajian khasnya pihak sekolah yang

tidak memberikan kerjasama sepenuhnya. Mungkin mereka bertanggapan kajian ini tidak memberi apa-apa impak kepada mereka. Di samping itu, pihak responden mungkin akan menjawab soal selidik secara tidak jujur yakni asal buat sahaja. Hal ini memungkinkan dapatan kajian nanti tidak seperti yang diharapkan. Walaupun soal selidik ini telah diuji kesahan dan kebolehpercayaannya, responden mungkin menjawab hanya sebagai memenuhi syarat dan kuantiti sahaja tanpa memikirkan kesan terhadap kepentingan kajian ini. Ini kerana terdapat tanggapan umum bahawa kajian yang menggunakan borang soal selidik tidak memberikan gambaran yang komprehensif terhadap persepsi responden. Interaksi bersemuka dengan responden melalui temu duga secara bersemuka dengan responden boleh menghasilkan data yang lebih terperinci dan konkret. Namun demikian, bagi kajian ini soal selidik adalah yang paling berkesan bagi mengumpul data (Majid Konting, 2010).



Ketiga, pengkaji telah mendapati soal selidik yang dikembalikan tidak sama seperti jumlah yang telah dihantar. Ini telah menjadi masalah kepada pengkaji untuk memenuhi syarat pensampelan yang telah ditetapkan. Bagi mengatasi masalah ini pengkaji telah menghantar soal selidik yang lebih kepada pihak sekolah dan juga menambah bilangan sekolah yang menjadi subjek kajian kelak.

1.11 Definisi Operasional

Pemboleh ubah bagi kajian ini mempunyai lima pemboleh ubah bebas, satu pemboleh ubah mediator dan pemboleh ubah bersandar, seperti berikut;

- i. Pemboleh ubah produk merupakan segala produk yang dijual mahupun item atau perkhidmatan yang dijadikan sebagai pertukaran dalam urus niaga jual beli koperasi sekolah dengan pengguna bagi mendapatkan keuntungan (Jamilah Din et al., 2012 & Raja Maimon Raja Yusof, 2010).
- ii. Pemboleh ubah promosi merujuk segala bentuk atau cara yang digunakan oleh koperasi sekolah bagi mempromosikan segala yang berkaitan dengan aktiviti perniagaan koperasi sekolah (Jamilah Din, Noranita Nor, et al., 2012 & Raja Maimon Raja Yusof, 2010).
- iii. Pemboleh ubah pendidikan dan latihan dalam kajian ini hanya merujuk pada penerapan ilmu, kursus-kursus, segala latihan yang berkaitan dengan koperasi sahaja. Tidak melibatkan pengalaman mahupun kelulusan akademik yang sedia ada. Jangka masa kursus atau pun latihan tidak diambil kira dalam kajian ini. Demikian juga penganjur sesuatu program khusus mahu pun latihan juga tidak





diambil kira (Jamilah Din, Noranita Nor, et al., 2012 & Raja Maimon Raja Yusof, 2010).

- iv. Pemboleh ubah pengurusan dalam konteks kajian ini adalah berpandukan tadbir urus koperasi yang berpandukan undang-undang kecil koperasi dan akta koperasi (1993). Segala perjalanan pengurusan haruslah tertakluk pada peraturan yang sedia ada (Jamilah Din et al., 2012 & Raja Maimon Raja Yusof, 2010).
- v. Pemboleh ubah modal bagi kajian ini merujuk pada segala dana atau bantuan yang diterima oleh koperasi bagi memulakan perniagaan termasuk syer anggota, bantuan dari pihak kerajaan mahupun bantuan dari individu lain. Modal juga meliputi tanah, mesin, modal insan dan yang berkaitan boleh digunakan untuk menjana pendapatan perniagaan (Jamilah Din et al., 2012 & Raja Maimon Raja Yusof, 2010).
- vi. Motivasi Kerja ALK: Merujuk kepada motivasi seseorang pengurus yang merupakan ALK yang bersemangat usahawan sama ada ke arah keperluan pencapaian (*needs for achievement*) atau pun ke arah keperluan afiliasi (*needs for affiliation*). Kajian keusahawanan yang telah dilakukan sebelum telah menghasilkan kajian-kajian psikologi tentang ciri-ciri keperibadian sifat-sifat motivasi (Zahir din, 2011).
- vii. Prestasi perniagaan merupakan pemboleh ubah bersandar yang diukur berpandukan pendapatan tahunan yang tidak mengalami kerugian. Pengukuran kejayaan koperasi sekolah ini juga berdasarkan jumlah jualan tiga tahun lepas, pulangan pelaburan tiga tahun lepas dan peningkatan keahlian sepanjang tiga tahun. Pengukuran ini adalah mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh



pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Jamilah Din et al., 2012 & Raja Maimon Raja Yusof, 2010).

- viii. Ahli Lembaga Koperasi : Merujuk kepada semua ALK guru yang merupakan pengurus koperasi yang terlibat secara langsung.

1.12 Pengorganisasian Kajian

Kajian ini dibahagikan kepada lima bahagian iaitu bab 1 hingga bab 5. Bab 1 akan membincangkan pengenalan pada isu yang berkaitan dengan kajian/penyelidikan secara umum. Bab 2 berkaitan tinjauan literatur yakni merupakan penulisan yang kritikal dan analitikal tentang penulisan ilmiah yang telah diterbitkan oleh sarjana dan penyelidik

tentang topik yang dikaji. Tujuannya adalah untuk menyampaikan kepada pembaca apakah teori, konsep dan hujah yang telah digunakan dalam merangka penyelidikan serta membincangkan kekuatan dan kelemahan kajian yang telah dijalankan berkaitan tajuk dan skop kajian ini.

Bab 3 merupakan bahagian yang agak berbeza antara satu disertasi/tesis dengan disertasi/tesis yang lain bergantung kepada bidang disiplin ilmu yang dikaji dan ia mungkin tidak ada dalam disertasi/tesis yang berbentuk teoretikal. Bahagian ini mengandungi penerangan dan justifikasi terhadap material, pendekatan teoretikal, reka bentuk eksperimen dan kaedah (termasuk analisis statistik) yang digunakan bagi mencapai objektif penyelidikan. Material dan kaedah yang digunakan dalam penyelidikan akan diterangkan dengan mendalam dan tepat. Rujukan bagi kaedah dan prosedur yang digunakan juga akan dinyatakan.



Bab 4 telah mempersempahkan dan menganalisis data kajian. Dapatkan keseluruhan dan analisis kajian akan dibentangkan dalam bentuk jadual, rajah dan pernyataan bagi membolehkan penemuan penting dikemukakan. Dapatkan kajian juga akan ditulis lebih daripada satu bab Bahagian ini akan disusun menurut hierarki soalan kajian bagi menunjukkan bahawa semua soalan telah dijawab.

Bab 5 telah membincangkan dapatan kajian dengan mengaitkan teori-teori dan kajian lampau yang dibincangkan dalam bab literatur. Perbincangan dapatan kajian akan ditulis mengikut susunan objektif atau soalan kajian. Dapatkan kajian ini akan dibincangkan secara kritikal bagi melambangkan kesarjanaan sesuatu kajian yang dijalankan. Penemuan kajian disimpulkan selari dengan soalan kajian. Kajian juga akan mencadangkan sesuatu inovasi atau idea baharu berdasarkan dapatan kajian. Signifikan kajian dan implikasi terhadap bidang kajian akan dinyatakan. Cadangan kajian untuk masa hadapan juga akan dimasukkan dalam bab ini.

1.13 Rumusan

Secara keseluruhannya bab 1 telah membincangkan permasalahan kajian, tujuan kajian, objektif kajian, soalan kajian, hipotesis kajian, kerangka konsep kajian, faedah kajian, batasan, definisi operational kajian dan pengorganisasian kajian yang digunakan dalam kajian ini. Bab yang seterusnya akan membincangkan bahagian yang telah ditentukan mengikut bab seperti yang dicadangkan dalam pengorganisasian kajian.

